  Keperluan berkanun CBC menetapkan bahawa pengendali takaful tidak dibenarkan menanggung apa-apa risiko berkaitan dengan takaful motor, melainkan caruman yang perlu dibayar telah diterima oleh mereka. Bagi menggalakkan disiplin pasaran yang lebih tinggi dalam pengurusan caruman takaful motor dan pengeluaran nota perlindungan, pengendali takaful kini boleh dikompaun kerana kesalahan di bawah seksyen 25 Akta Takaful 1984, dan peraturan-peraturan yang relevan bagi pelanggan yang berurusan secara terus dengan mereka. Selain itu, pengendali takaful dikehendaki menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi caruman takaful motor yang tertunggak lebih dari 30 hari dan bukan enam bulan seperti yang diamalkan sebelum ini.

- **Pangkalan Data Terpusat bagi Penganggaran Pembaikan Motor**
  Usaha sama dengan industri dimulakan pada tahun 2004 bagi memantau usaha memperbaik pangkalan data terpusat mengenai kos alat ganti dan kos buruh Motor Research Consortium Sdn. Bhd. (MRC) seperti yang digunakan oleh penanggung insurans, pengendali takaful, pelaras dan pembaik motor. Satu jawatankuasa kerja bersama ditubuhkan untuk mengendalikan tugas ini, selaras dengan keperluan memaksimumkan penggunaan pangkalan data yang diperkenalkan pada tahun 2001 bagi mengurangkan kesubjektifan dalam penganggaran tuntutan.

- **Syarat yang Disemak bagi Pengaturan antara Pengendali Takaful dengan Pemegang Francais Kenderaan mengenai Pembaikan Kenderaan**
  Selaras dengan perkembangan pasaran, syarat yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia kepada pengendali takaful ketika memberikan kelulusan untuk mengadakan pengaturan dengan pemegang francais bagi membaiki kenderaan yang rosak telah disemak pada tahun 2004. Syarat yang disemak itu termasuk keperluan menggunakan pangkalan data terpusat yang dikendalikan oleh MRC bagi penganggaran pembaikan motor. Selain itu, pengendali takaful dinasihatkan supaya berhenti membayar bagi promosi program manfaat pelanggan kenderaan pemegang francais sekiranya pemegang francais gagal mematuhi mana-mana syarat.

Memperkukuh Infrastruktur Syariah dan Perundangan

Pada tahun 2004, langkah-langkah diambil bagi memperkukuh rangka kerja Syariah dan perundangan untuk pembangunan perbankan Islam dan takaful.

- Rangka kerja Syariah diperkukuh dengan pengeluaran Garis Panduan tentang Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi institusi kewangan Islam. Garis Panduan ini dikeluarkan bagi memperkemas fungsi dan tugas Jawatankuasa Syariah pengendali takaful, di samping memperluas dan memperteguh peranan MPS bagi memastikan tadbir urus Syariah yang lebih baik dalam industri takaful. Ini adalah ekoran pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan Akta Takaful 1984 yang dibuat pada tahun 2003 bagi meningkatkan peranan dan fungsi MPS sebagai pihak berkuasa tunggal mengenai hal-hal Syariah yang berkaitan dengan perbankan Islam dan takaful. Garis Panduan ini juga menekankan kebebasan dan integriti Jawatankuasa Syariah dengan mengehadkan pelantikan mana-mana ahli MPS atau ahli Jawatankuasa Syariah pengendali takaful menjadi ahli Jawatankuasa Syariah pengendali takaful yang lain. Langkah ini akan memanfaatkan industri perkhidmatan kewangan Islam dalam jangka masa panjang kerana ia membuka jalan ke arah mewujudkan dan meramaikan bilangan ahli Syariah yang berkelayakan dan terlatih, yang terampil dalam kewangan Islam.

- Pindaan selanjutnya dibuat terhadap Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949, selaras dengan dasar cukai yang neutral bagi perbankan dan kewangan Islam yang diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Bajet 2005. Di bawah rangka kerja cukai yang neutral, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan mengecualikan instrumen dan urus niaga tambahan yang dilaksanakan bagi memenuhi kehendak Syariah daripada tambahan bayaran duti setem dan cukai. Bank Negara Malaysia diberi kuasa di bawah undang-undang sebagai pihak berkuasa yang mengesyorkan kepada LHDN bagi pengecualian instrumen dan urus niaga demikian daripada membayar duti setem.

Mempertingkatkan Kesedaran dan Perlindungan Pengguna

Usaha juga ditumpukan ke arah memperkukuh infrastruktur perlindungan pengguna dan mempertingkatkan tahap celik kewangan supaya keyakinan orang ramai pada industri takaful bertambah baik.

- **Biro Pengantaraan Kewangan**
  Biro Pengantaraan Kewangan (FMB) ditubuhkan pada awal tahun 2005 bagi menyokong proses penyelesaian pertikaian secara cekap yang melibatkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh institusi kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Bagi memantapkan lagi mekanisme penyelesaian masalah pengguna di peringkat industri, FMB akan bertanggungjawab menyelesaikan aduan atau pertikaian antara pengguna dengan institusi kewangan yang membabitkan perbankan, insurans, perbankan Islam dan takaful. Sebagai biro pengantaraan yang bersepadu dengan skop tanggungjawab yang lebih luas, FMB mengambil alih dan menggabungkan fungsi pengantaraan yang berasingan bagi perbankan dan insurans yang sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengantaraan Perbankan dan Biro Pengantaraan Insurans.

- **Standard Minimum bagi Penzahiran Produk dan Ketelusan dalam Pemasaran Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan**
  Satu surat pekeliling mengenai standard minimum dikeluarkan bagi menetapkan keperluan pengendalian pasaran yang berkaitan dengan penzahiran dan proses khidmat nasihat yang perlu dipatuhi oleh pengendali takaful dan pengantara mereka. Ini adalah bagi memastikan bakal pelanggan mampu membuat keputusan yang berasaskan maklumat. Usaha bagi mencapai standard amalan terbaik dalam pemasaran pelan takaful perubatan dan kesihatan adalah antara usaha bagi memudahkan pembangunan perniagaan takaful perubatan dan kesihatan secara teratur.

- **Program Pendidikan Pengguna**
  Risalah pendidikan yang baru mengenai ‘takaful berkaitan pelaburan’ dan ‘takaful kemalangan diri’ telah dikeluarkan di bawah Program Pendidikan Pengguna

10 tahun mengenai insurans dan takaful yang dikenali sebagai 'InfoInsurans'. InfoInsurans adalah usaha sama antara Bank Negara Malaysia, industri insurans dan takaful, iaitu sebahagian daripada strategi bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengguna mengenai insurans dan takaful. Risalah pendidikan ini diterbitkan dalam laman web InfoInsurans dan juga disebarkan kepada orang ramai dalam bentuk buku kecil.

- **Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) dan Ekspo Perbankan Islam dan Takaful (IBTE)**
  Pada tahun 2004, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia buat kali pertama menganjurkan MIHAS manakala Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia pula menganjurkan IBTE tahunan. Penganjuran ini, yang turut disertai oleh Bank Negara Malaysia, berjaya membawa pihak berkepentingan yang utama dengan lebih dekat dalam pembangunan kewangan Islam.

II. Penyeliaan Industri Takaful

Pengawasan Bank Negara Malaysia yang menyeluruh terhadap industri takaful merangkumi fungsi pengawalan dan penyeliaan. Sejak tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan anjakan strategik dalam falsafah dan pendekatan penyeliaan. Anjakan strategik ini menghasilkan transformasi, iaitu daripada pendekatan penyeliaan dari bawah ke atas yang berdasarkan audit kepada pendekatan yang lebih holistik dan berorientasikan masa hadapan. Ini dicapai melalui pelaksanaan Rangka Kerja Penyeliaan Berdasarkan Risiko sejak bulan Ogos 2004.

Selaras dengan fokus Bank Negara Malaysia pada perlindungan pengguna, penyeliaan pada peri laku penanggung insurans dan pengendali takaful akan terus dijalankan bagi memastikan hak pemegang polisi dan orang ramai dilindungi dengan sewajarnya. Di bawah rangka kerja yang baru ini, penyeliaan gelagat pasaran dijalankan secara

Rangka Kerja Penyeliaan Berdasarkan Risiko

Rangka Kerja Penyeliaan Berdasarkan Risiko (RBSF) adalah proses dinamik yang berkitar dan berterusan ketika merancang dan menjalankan aktiviti penyeliaan tertentu. RBSF telah dilaksanakan dengan tujuan memastikan semua entiti yang dikawal selia mengguna pakai amalan perniagaan yang baik dan mempunyai kedudukan kewangan yang teguh dan mantap. Proses penyeliaan yang baru ini menggunakan pendekatan yang berstruktur bagi menilai profil risiko penanggung insurans atau pengendali takaful, kedudukan kewangan dan kecukupan sistem pengurusan operasi dan pengurusan risiko mereka, bagi membuat penilaian secara keseluruhan mengenai kedudukan penanggung insurans atau pengendali takaful dan kemungkinan muncul risiko utama pada masa hadapan. Penekanan berbeza yang diberikan bergantung pada profil risiko entiti yang dikawal selia. Ini seterusnya menggalakkan budaya pengurusan risiko yang lebih baik dalam industri. Bagi meminimumkan pertindihan tugas, Bank Negara Malaysia akan memanfaatkan sebahagian kerja yang dijalankan oleh juruaudit luar dan dalam, aktuari yang dilantik dan profesional lain, berhubung dengan kesaksamaan penyata kewangan, persekitaran kawalan, pematuhan pengendalian pada dasar dan prosedur serta kecukupan liabiliti teknikal. Pendekatan yang berorientasikan masa hadapan ini akan membolehkan Bank Negara Malaysia menempatkan sumbernya secara optimum, dan dengan demikian, tumpuan penyeliaan yang lebih boleh diberikan kepada entiti yang penting dari segi sistemik dan/atau entiti yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi.

Proses penilaian risiko bermula dengan mengenal pasti aktiviti penting entiti yang dikawal selia dan risiko sedia ada yang berkaitan dengan aktiviti berkenaan. Ini dicapai melalui pemantauan berterusan di luar premis atas maklumat kewangan dan pasaran, pemeriksaan di premis, di samping dialog dengan pengurusan kanan entiti yang dikawal selia. Ini membolehkan Bank Negara Malaysia menilai keberkesanan sistem pengurusan risiko entiti terbabit berbanding risikonya, dan juga kecukupan modal dan keuntungan bagi mengurangkan risiko bersih.

berasingan dengan menggunakan rangka kerja penyeliaan yang berbeza. Keputusan kedua-dua proses penyeliaan akan digabungkan bagi mencerminkan kedudukan keseluruhan penanggung insurans atau pengendali takaful dari segi kedudukan kewangan dan gelagat pasaran.

Sebagai sebahagian daripada usaha penyeliaan, daya tahan setiap entiti yang dikawal selia kepada kejutan ekonomi di bawah keadaan yang sukar juga dipantau secara berterusan. Sehubungan dengan ini, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki mengemukakan keputusan ujian tekanan bagi setiap separuh tahun. Ujian tekanan ini merangkumi satu set parameter seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dengan fleksibiliti diberikan kepada entiti yang dikawal selia bagi mengguna pakai andaian mereka sendiri bagi parameter tertentu.

Aktiviti penyeliaan Bank Negara Malaysia juga memberikan tumpuan pada beberapa bidang tertentu yang penting bagi keselamatan dan keutuhan keseluruhan entiti yang dikawal selia. Bidang berkenaan termasuk penyeliaan sistem maklumat (SM) dan pengawasan penipuan.

Penyeliaan Sistem Maklumat

Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah bagi meningkatkan tadbir urus SM di samping menggalakkan amalan terbaik SM dalam entiti yang dikawal selia selaras dengan perkembangan teknologi yang pesat dalam persekitaran insurans dan takaful. Langkah-langkah itu termasuk pemeriksaan di premis, pemantauan di luar premis, pengeluaran garis panduan mengenai pengurusan persekitaran SM dan memperbaik standard penyeliaan SM dengan menanda aras standard itu dengan standard pengauditan SM lain yang sudah diuji. Bagi membuat penilaian yang lebih baik pada persekitaran SM dan menentukan keutuhan operasi SM penanggung insurans dan pengendali takaful, Bank Negara Malaysia telah meningkatkan kualiti fungsi penyeliaan SM dengan melaksanakan metodologi baru pemeriksaan di premis, iaitu Penilaian Risiko Sistem Maklumat (PRiSM). Metodologi ini memberi penilaian yang lebih saksama pada persekitaran SM dengan mengaitkan amalan dan risiko SM dengan keperluan dan proses perniagaan. Usaha juga sedang dibuat untuk membangunkan sistem bagi meningkatkan fungsi pemantauan di luar premis melalui pangkalan data maklumat mengenai perkembangan dan penggunaan teknologi oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Sistem ini akan menyediakan mekanisme amaran awal mengenai potensi risiko sistemik dan menanda aras proses teras yang meliputi seluruh industri insurans dan takaful.

Pengawasan Penipuan

Sistem pengawasan penipuan diwujudkan melalui Sistem Pangkalan Data Maklumat Penipuan Elektronik (eFIDS) yang mencatat kejadian penipuan dalam industri insurans dan takaful. Pangkalan data ini membolehkan Bank Negara Malaysia mengenal pasti modus operandi baru penipuan dan memaklumkan industri insurans dan takaful supaya berwaspada bagi mencegah kejadian penipuan yang seterusnya. Bagi memperkukuh usaha memerangi penipuan, jawatankuasa antipenipuan yang ahlinya terdiri daripada pegawai Bank Negara Malaysia dan persatuan yang mewakili industri insurans dan takaful telah ditubuhkan pada tahun 2004. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengenal pasti dan merangka cadangan penyelarasan dan kerjasama yang lebih baik antara Bank Negara Malaysia, agensi penguat kuasa undang-undang, persatuan insurans dan takaful, dalam usaha mereka membanteras penipuan.

Matlamat akhir penyeliaan adalah bagi menggalakkan industri insurans dan takaful yang utuh dan mantap, di samping melindungi kepentingan pemegang polisi dan mengekalkan kepercayaan orang ramai pada sistem kewangan. Tumpuan strategik pada masa hadapan ialah pengawasan kewangan, pengurusan risiko dan amalan pasaran, tadbir urus korporat, kualiti pengurusan dan akauntabiliti awam sebagai batu asas bagi memperkukuh daya tahan kewangan penanggung insurans dan pengendali takaful dalam keadaan yang lebih kompetitif dan liberal. Usaha terus dijalankan bagi memastikan pendekatan penyeliaan adalah sesuai dan relevan, dan Bank Negara Malaysia dilengkapi dengan kemahiran dan keupayaan yang diperlukan bagi menangani cabaran masa depan dengan berkesan.

III. Perkembangan Antarabangsa

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia dan

peserta industri terus menyertai inisiatif bagi membangunkan takaful di peringkat global secara aktif.

Memorandum Persefahaman Bank Negara Malaysia-Bank Pembangunan Islam (IDB)

Memorandum persefahaman (MoU) antara Bank Negara Malaysia dengan IDB ditandatangani pada 30 Jun 2004. Memorandum ini antara lain bertujuan mempromosikan dan mengembangkan perniagaan takaful dan takaful semula di kalangan negara yang menjadi ahli Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC). Langkah-langkah tertentu dikenal pasti bagi dilaksanakan secara bersama oleh kedua-dua belah pihak. Tumpuan akan diberikan pada usaha mempromosikan ASEAN Retakaful International (L) Ltd. sebagai pengendali takaful semula utama negara anggota OIC. Dengan termeterainya MoU ini, pengendali takaful Malaysia dijangka memainkan peranan yang lebih aktif dalam menerokai peluang di luar negara.

Kerjasama Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D-8)

Kemajuan telah dicapai dalam inisiatif D-8 semasa mesyuarat perasmian yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia pada 13 Julai 2004 bagi mewujudkan mekanisme kerjasama bagi membangunkan takaful di kalangan pengawal selia negara-negara D-8. Mesyuarat bersetuju dengan penubuhan dua kumpulan kerja dalam bidang pendidikan dan latihan, dan pembangunan infrastruktur kewangan, masing-masing diterajui oleh Malaysia dan Mesir.

ASEAN Retakaful International (L) Ltd. (ARIL)

Usaha diteruskan bagi memperkukuh kedudukan ARIL sebagai pengendali takaful semula yang utama bagi negara-negara D-8 dan OIC. Satu inisiatif penting ke arah ini adalah penyiapan sebahagian daripada usaha menambah modal melalui terbitan bonus dan hak kepada pemegang saham yang sedia ada. Program ini telah meningkatkan modal berbayar ARIL kepada AS$14 juta daripada AS$4 juta. Berikutan langkah memperkukuh kedudukan kewangan dan kapasiti perniagaannya, ARIL telah menggariskan rancangannya untuk menambah lagi modalnya kepada AS$60 juta menjelang tahun 2008.

Lampiran-lampiran
Appendices

I Perundangan Subsidiari di bawah Akta Takaful 1984 pada 31 Disember 2004
Subsidiary Legislation under the Takaful Act 1984 as at 31 December 2004

II Pengendali Takaful Berdaftar di bawah Akta Takaful 1984 pada 31 Disember 2004
Takaful Operators Registered under the Takaful Act 1984 as at 31 December 2004

III Jawatankuasa Syariah di bawah Seksyen 8 Akta Takaful 1984 pada 31 Disember 2004
Shariah Committee under Section 8 of the Takaful Act 1984 as at 31 December 2004

IV Carta Organisasi: Jabatan Perbankan Islam dan Takaful dan Jabatan Penyeliaan Insurans pada 31 Disember 2004
Organisation Chart: Islamic Banking and Takaful Department and Insurance Supervision Department as at 31 December 2004

V Pekeliling dan Garis Panduan yang dikeluarkan kepada Industri Takaful sepanjang Tahun 2004
Circulars and Guidelines Issued to the Takaful Industry during the Year 2004

VI Tahun 2004 Sepintas Lalu
Year 2004 at a Glance

VII Glosari Istilah Takaful
Glossary of Takaful Terms

Perundangan Subsidiari di bawah Akta Takaful 1984 pada 31 Disember 2004
Subsidiary Legislation under the Takaful Act 1984 as at 31 December 2004

No. Statut *Statute No.*	**Tajuk** *Title*
P.U. (A) 307/1985	Peraturan-peraturan Takaful (Lebihan Aset dari Liabiliti) 1985 *Takaful (Surplus of Assets over Liabilities) Regulations 1985*
P.U. (A) 308/1985	Peraturan-peraturan Takaful (Pendaftaran Pengendali-pengendali) 1985 *Takaful (Operators Registration) Regulations 1985*
P.U. (A) 309/1985	Peraturan-peraturan Takaful (Fee Pendaftaran Tahunan) 1985 *Takaful (Annual Registration Fees) Regulations 1985*
P.U. (A) 310/1985	Peraturan-peraturan Takaful (Deposit Statutori) 1985 *Takaful (Statutory Deposits) Regulations 1985*
P.U. (A) 311/1985	Peraturan-peraturan Takaful (Daftar Sijil) 1985 *Takaful (Register of Certificates) Regulations 1985*
P.U. (A) 312/1985	Peraturan-peraturan Takaful (Mengambil Alih Risiko dan Pemungutan Caruman) 1985 *Takaful (Assumption of Risk and Collection of Contribution) Regulations 1985*
P.U. (A) 313/1985	Peraturan-peraturan Broker dan Ajuster (Fee Pelesenan) 1985 *Brokers and Adjusters (Licensing Fees) Regulations 1985*
P.U. (A) 314/1985	Peraturan-peraturan Takaful (Kuasa untuk Mengkompaun) 1985 *Takaful (Power to Compound) Regulations 1985*
P.U. (A) 315/1985	Peraturan-peraturan Takaful (Bayaran Wang Perpaduan Keluarga) 1985 *Takaful (Payment of Family Solidarity Moneys) Regulations 1985*
P.U. (A) 337/1990	Peraturan-peraturan Takaful (Pinjaman Ditetapkan) 1990 *Takaful (Prescribed Loan) Regulations 1990*
P.U. (A) 93/1991	Peraturan-peraturan Takaful (Pinjaman Ditetapkan) 1991 *Takaful (Prescribed Loan) Regulations 1991*
P.U. (A) 435/1995	Peraturan-peraturan Takaful (Pinjaman Ditetapkan) 1995 *Takaful (Prescribed Loan) Regulations 1995*
P.U. (A) 237/1997	Peraturan-peraturan Takaful (Pinjaman Ditetapkan) 1997 *Takaful (Prescribed Loan) Regulations 1997*
P.U. (A) 17/2003	Peraturan-peraturan Takaful (Institusi Kewangan, Pinjaman dan Pelaburan yang Ditetapkan) 2003 *Takaful (Prescribed Financial Institution, Loan and Investment) Regulations 2003*

Pengendali Takaful Berdaftar di bawah Akta Takaful 1984 pada 31 Disember 2004
Takaful Operators Registered under the Takaful Act 1984 as at 31 December 2004

(1) Syarikat Takaful Malaysia Berhad

Tingkat 2, Blok Annex
Menara Tun Razak
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon *Telephone*	: +603 2693 3211
Faksimile *Facsimile*	: +603 2693 7076
Laman Web *Website*	: www.takaful-malaysia.com.my
Tarikh Pendaftaran *Date of Registration*	: 29 November 1984
Pegawai Utama *Principal Officer*	: Dato' Mohd. Fadzli bin Yusof

(2) Takaful Nasional Sdn. Berhad

Aras 14, Bangunan Dato' Zainal
23, Jalan Melaka
50100 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon *Telephone*	: +603 2612 5000
Faksimile *Facsimile*	: +603 2698 1010
Laman Web *Website*	: www.takafulnasional.com.my
Tarikh Pendaftaran *Date of Registration*	: 20 September 1993
Pegawai Utama *Principal Officer*	: Encik Aminuddin bin Md. Desa

Pengendali Takaful Berdaftar di bawah Akta Takaful 1984 pada 31 Disember 2004
Takaful Operators Registered under the Takaful Act 1984 as at 31 December 2004

(3) Mayban Takaful Berhad

Aras 15, Menara MaybanLife
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon *Telephone*	: +603 2297 3999
Faksimile *Facsimile*	: +603 2283 2277
Laman Web *Website*	: www.maybank2u.com.my
Tarikh Pendaftaran *Date of Registration*	: 22 Oktober 2001
Pegawai Utama *Principal Officer*	: Encik Mohd. Tarmidzi bin Ahmad Nordin

(4) Takaful Ikhlas Sdn. Berhad

Tingkat 9, Bangunan Malaysian Re
No. 17, Lorong Dungun
Damansara Heights
Beg Berkunci 11094
50990 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon *Telephone*	: +603 2084 1000
Faksimile *Facsimile*	: +603 2093 1192
Laman Web *Website*	: www.takaful-ikhlas.com.my
Tarikh Pendaftaran *Date of Registration*	: 21 April 2003
Pegawai Utama *Principal Officer*	: Tuan Haji Syed Moheeb bin Syed Kamarulzaman

Jawatankuasa Syariah di bawah Seksyen 8 Akta Takaful 1984 pada 31 Disember 2004
Shariah Committee under Section 8 of the Takaful Act 1984 as at 31 December 2004

(1) Syarikat Takaful Malaysia Berhad

Pengerusi
Chairman

(i) Prof. Madya Dr. Abdullah bin Haji Ibrahim

Ahli-ahli
Members

(ii) Datuk Haji Md. Hashim bin Yahaya
(iii) Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman
(iv) Datuk Haji Md. Yunus @ Yunus bin Haji Md. Yatim
(v) Prof. Madya Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salamon
(vi) Ustaz Mohd. Bakir bin Haji Mansor

(2) Takaful Nasional Sdn. Berhad

Pengerusi
Chairman

(i) Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria

Ahli-ahli
Members

(ii) Datuk Dr. Abdul Monir bin Yaacob
(iii) Dato' Dr. Mahfodz bin Mohamed
(iv) Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Muhammad
(v) Prof. Madya Dr. Mohd. Daud bin Bakar
(vi) Prof. Madya Dr. Hailani bin Muji Tahir

Jawatankuasa Syariah di bawah Seksyen 8 Akta Takaful 1984 pada 31 Disember 2004
Shariah Committee under Section 8 of the Takaful Act 1984 as at 31 December 2004

(3) Mayban Takaful Berhad

Pengerusi
Chairman
(i) Dato' Haji Hassan bin Haji Ahmad

Ahli-ahli
Members
(ii) Datuk Haji Md. Hashim bin Yahaya
(iii) Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman
(iv) Datuk Dr. Abdul Monir bin Yaacob
(v) Prof. Madya Dr. Mohd. Daud bin Bakar


(4) Takaful Ikhlas Sdn. Berhad

Pengerusi
Chairman
(i) Dato' Mohd Mokhtar bin Shafii

Ahli-ahli
Members
(ii) Prof. Madya Dr. Mohd. Ma'sum Billah
(iii) Prof. Madya Dr. Ahmad Hidayat bin Buang
(iv) Tuan Haji Nik Moustpha bin Haji Nik Hassan

Lampiran IV / *Appendix IV*

Carta Organisasi: Jabatan Perbankan Islam dan Takaful dan Jabatan Penyeliaan Insurans pada 31 Disember 2004
Organisation Chart: Islamic Banking and Takaful Department and Insurance Supervision Department as at 31 December 2004



¹ Berkuat Kuasa 3 Januari 2005 / *Effective 3 January 2005*
² Berkuat Kuasa 17 Januari 2005 / *Effective 17 January 2005*

Pekeliling dan Garis Panduan yang dikeluarkan kepada Industri Takaful sepanjang Tahun 2004
Circulars and Guidelines Issued to the Takaful Industry during the Year 2004

Tarikh Dikeluarkan *Date Issued*	Nombor *Number*	Perkara *Subject Matter*
PEKELILING ***CIRCULARS***		
8 / 1 / 2004	JPIT/1/2004/TO	Spesifikasi di bawah Peraturan-peraturan 3(b) dan (c) Peraturan-peraturan Takaful (Institusi Kewangan, Pinjaman dan Pelaburan yang Ditetapkan) 2003 *Specification under Regulations 3(b) and (c) of the Takaful (Prescribed Financial Institution, Loan and Investment) Regulations 2003*
19 / 1 / 2004	JPIT/2/2004/TO	Standard Minimum mengenai Penzahiran Maklumat Produk dan Ketelusan dalam Pemasaran Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan *Minimum Standard on Product Disclosure and Transparency in Marketing Medical and Health Takaful Plans*
9 / 2 / 2004	JPIT/3/2004/TO	Penarikan Keluar Secara Berperingkat-peringkat Penerimaan Jurubank Hijau daripada Senarai Instrumen Pasaran Wang Islam *Phasing-out of Green Bankers Acceptance from the List of Islamic Money Market Instruments*
10 / 2 / 2004	JPIT/4/2004/TO	Perjanjian antara Pengendali Takaful dengan Pemegang Francais Kenderaan mengenai Pembaikan Kenderaan *Arrangements Between Takaful Operators and Vehicle Franchise Holders on Repair of Vehicles*
10 / 2 / 2004	JPIT/5/2004/TO	Takaful Internet *Internet Takaful*
9 / 3 / 2004	JPIT/6/2004/TO	Pelaksanaan Sistem Statistik Pengendali Takaful (TOSS) *Implementation of Takaful Operators Statistical System (TOSS)*
9 / 3 / 2004	JPIT/15/2003/TO (Semakan) *(Revised)*	Pelantikan Pegawai Utama/Pengarah oleh Pengendali Takaful *Appointment of Principal Officer/Director by Takaful Operator*
29 / 3 / 2004	JPIT/7/2004/TO	Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 dan Akta Takaful (Pindaan) 2003 *Central Bank of Malaysia (Amendment) Act 2003 and Takaful (Amendment) Act 2003*
18 / 5 / 2004	JPIT/8/2004/TO	Penerimaan Jaminan Takaful sebagai Deposit untuk Permohonan Permit Kerja Pekerja Asing *Acceptance of Takaful Guarantee as Deposit for Foreign Workers Work Permit Applications*

Pekeliling dan Garis Panduan yang dikeluarkan kepada Industri Takaful sepanjang Tahun 2004
Circulars and Guidelines Issued to the Takaful Industry during the Year 2004

Tarikh Dikeluarkan *Date Issued*	**Nombor** *Number*	**Perkara** *Subject Matter*
25 / 8 / 2004	JPIT/10/2004/TO	Program Pendidikan Pengguna – Buku-buku Kecil InfoInsurans *Consumer Education Program – InsuranceInfo Booklets*
26 / 8 / 2004	JPIT/11/2004/TO	Sistem Profil Korporat Institusi Kewangan (FICPS) – Kajian Semula Keperluan Pengemukaan Salinan Cetak dan Pengukuhan Sistem *Financial Institutions Corporate Profile System (FICPS) – Review of Hard Copy Submission Requirement and System Enhancement*
27 / 8 / 2004	JPIT/9/2004/TO	Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 – Prosedur Pengesahan *Anti-Money Laundering Act 2001 – Verification Procedures*
27 / 8 / 2004	JPIT/12/2004/TO	Pelaksanaan Sistem Elektronik Nota Lindungan Motor *Implementation of Electronic Motor Cover Notes System*
10 / 9 / 2004	JPIT/13/2004/TO	Spesifikasi di bawah Peraturan-peraturan 3(b) dan (c) Peraturan-peraturan Takaful (Institusi Kewangan, Pinjaman dan Pelaburan yang Ditetapkan) 2003 *Specification under Regulations 3(b) and (c) of the Takaful (Prescribed Financial Institution, Loan and Investment) Regulations 2003*
27 / 9 / 2004	JPIT/14/2004/TO	Sistem Statistik Pengendali Takaful (TOSS) – Sistem Penyerahan Data (DSS) Versi 1.1 ("Siaran1") *Takaful Operators Statistical System (TOSS) – Data Submission System (DSS) Version 1.1 ("Release 1")*
25 / 10 / 2004	JPIT/15/2004/TO	Pematuhan terhadap Seksyen 25 Akta Takaful 1984 dan Peraturan-peraturan Takaful (Mengambil Alih Risiko dan Pemungutan Caruman)1985 – Keperluan Berkanun bagi 'Tunai Sebelum Perlindungan' *Compliance with Section 25 of the Takaful Act 1984 and Takaful (Assumption of Risk and Collection of Contribution) Regulations 1985 – Statutory Requirements of 'Cash-Before-Cover'*
25 / 10 / 2004	JPIT/16/2004/TO	Spesifikasi di bawah Peraturan-peraturan 3(b) dan (c) Peraturan-peraturan Takaful (Institusi Kewangan, Pinjaman dan Pelaburan yang Ditetapkan) 2003 *Specification under Regulations 3(b) and (c) of the Takaful (Prescribed Financial Institution, Loan and Investment) Regulations 2003*

Pekeliling dan Garis Panduan yang dikeluarkan kepada Industri Takaful sepanjang Tahun 2004
Circulars and Guidelines Issued to the Takaful Industry during the Year 2004

Tarikh Dikeluarkan *Date Issued*	Nombor *Number*	Perkara *Subject Matter*
26 / 11 / 2004	JPIT/17/2004/TO	Keperluan Suntikan Aset (Tabarru') daripada Kumpulan Wang Pemegang Saham bagi Ketidakcukupan Aset Dana Takaful *Requirement for Injection of Asset (Tabarru') from the Shareholders' Fund for Inadequacy of Asset in the Takaful Funds*
3 / 12 / 2004	JPIT/18/2004/TO	Pelaksanaan Sistem Elektronik Nota Lindungan Motor *Implementation of Electronic Motor Cover Notes System*
GARIS PANDUAN ***GUIDELINES***		
21 / 7 / 2004	JPIT/GPT 6	Garis Panduan mengenai Penyata Kewangan bagi Pengendali Takaful *Guidelines on Financial Statements for Takaful Operators*
8 / 11 / 2004	JPIT/GPT 1	Garis Panduan mengenai Jawatan Pengarah bagi Pengendali Takaful *Guidelines on Directorship for Takaful Operators*
8 / 11 / 2004	JPIT/GPT 7	Garis Panduan mengenai Urus Niaga Pihak Berkaitan bagi Pengendali Takaful *Guidelines on Related Party Transactions for Takaful Operators*
15 / 12 / 2004	JPIT/GPS 1	Garis Panduan mengenai Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam *Guidelines on the Governance of Shariah Committee for the Islamic Financial Institutions*

Tahun 2004 Sepintas Lalu
Year 2004 at a Glance

Disenaraikan di bawah ini peristiwa penting yang berlaku dalam industri takaful pada tahun 2004. Lampiran ini tidak menyenaraikan setiap peristiwa yang berlaku tetapi hanya mencatatkan beberapa peristiwa tertentu yang melibatkan peranan penting Bank Negara Malaysia.
Listed below are highlights of significant events for the takaful industry in year 2004. The list is not meant to be exhaustive, but aims mainly to enumerate those events in which Bank Negara Malaysia played a significant role.

Januari
January

- JPIT/1/2004/TO – Pekeliling mengenai Spesifikasi di bawah Peraturan-peraturan 3(b) dan (c) Peraturan-peraturan Takaful (Institusi Kewangan, Pinjaman dan Pelaburan yang Ditetapkan) 2003 dikeluarkan. Pekeliling ini memberi lebih kefleksibelan kepada pengendali takaful dalam aktiviti pelaburan mereka untuk melabur dalam sekuriti hutang swasta Islam dan kemudahan pembiayaan secara Islam bagi tujuan aset Malaysia yang dibenarkan seperti mana yang terkandung pada perenggan 6 Jadual Pertama Akta Takaful 1984.
  JPIT/1/2004/TO – Circular on Specification under Regulations 3(b) and (c) of the Takaful (Prescribed Financial Institution, Loan and Investment) Regulations 2003 was issued. The circular allows more flexibility to takaful operators in their investment activities by investing in Islamic private debt securities and Islamic financing facilities for the purpose of authorised Malaysian assets in connection with paragraph 6 of the First Schedule to the Takaful Act 1984.

- JPIT/2/2004/TO – Pekeliling mengenai Standard Minimum mengenai Penzahiran Maklumat Produk dan Ketelusan dalam Pemasaran Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan dikeluarkan. Pekeliling ini bertujuan meningkatkan ketelusan dalam perniagaan takaful perubatan dan kesihatan serta mengehendaki pengendali dan perantara memberi maklumat lengkap mengenai ciri-ciri asas pelan takaful perubatan dan kesihatan bagi memastikan peserta memahami peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam pelan terutamanya berkaitan caruman, manfaat, pengecualian dan had.
  JPIT/2/2004/TO – Circular on Minimum Standard on Product Disclosure and Transparency in Marketing Medical and Health Takaful Plans was issued. The circular which aims to provide greater transparency in medical and health takaful business requires takaful operators and their intermediaries to provide details of essential features of medical and health takaful plans to ensure that participants understand the important provisions of the plans, particularly with respect to the contributions, benefits, exclusions and limitations.

Februari
February

- JPIT/3/2004/TO – Pekeliling mengenai Penarikan Keluar Secara Berperingkat-peringkat Penerimaan Jurubank Hijau (GBA) daripada Senarai Instrumen Pasaran Wang Islam dikeluarkan. Pekeliling ini memaklumkan kepada institusi kewangan Islam penarikan keluar instrumen GBA daripada senarai instrumen kewangan dalam pasaran wang Islam berkuat kuasa 1 April 2004. Institusi kewangan Islam dibenarkan untuk menarikbalik atau memegang GBA sehingga ke tarikh matang instrumen tersebut.
  JPIT/3/2004/TO – Circular on Phasing-out of Green Bankers Acceptance (GBA) *from the List of Islamic Money Market Instruments was issued. The circular informed the Islamic financial institutions on the phasing-out of* GBA *from the list of Islamic money market instruments effective from 1 April 2004. Islamic financial institutions are allowed to withdraw or hold the* GBA *until the maturity date of the instrument.*

- JPIT/4/2004/TO – Pekeliling mengenai Pengaturan antara Pengendali Takaful dengan Pemegang Francais Kenderaan mengenai Pembaikan Kenderaan dikeluarkan. Pekeliling ini memaklumkan pengendali takaful mengenai semakan semula syarat penyertaan dalam pengaturan dengan pemegang francais kenderaan yang melibatkan pembaikan kerosakan kenderaan yang diluluskan terlebih dahulu. Pekeliling ini juga tidak membenarkan pengendali takaful menyertai program jika pemegang francais gagal mematuhi sebarang syarat yang telah ditetapkan.
  JPIT/4/2004/TO – Circular on Arrangements Between Takaful Operators and Vehicle Franchise Holders on Repair of Vehicles was issued. The circular informed takaful operators on the revised conditions for participation in arrangements for pre-approved repairs of damaged vehicles with vehicle franchise holders. This circular also disallows takaful operators from contributing towards the programme if the franchise holder fails to comply with any of the stated conditions.

- JPIT/5/2004/TO – Pekeliling mengenai Takaful Internet dikeluarkan. Pekeliling ini memaklumkan pengendali takaful bahawa Garis Panduan Takaful Internet merangkumi semua sistem berasaskan internet. Pekeliling ini juga mengehendaki pengendali takaful mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia sebelum melaksanakan sebarang sistem berasaskan internet.
  JPIT/5/2004/TO – Circular on Internet Takaful was issued. The circular informed takaful operators that the Guidelines on Internet Takaful is extended to cover all internet-based system. It also requires takaful operators to seek Bank Negara Malaysia's prior approval before implementing any internet-based system.

- Sesi Dialog dengan Pegawai Pematuhan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 bagi Industri Insurans dan Takaful.
  Dialog antara Bank Negara Malaysia dengan pegawai pematuhan daripada industri insurans dan takaful diadakan untuk membincangkan isu-isu berkenaan pentadbiran Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001.
  Dialogue Session with the Compliance Officers on the Anti-Money Laundering Act 2001 for the Insurance and Takaful industry.
  The dialogue session between Bank Negara Malaysia and the compliance officers of the insurance and takaful industry was held to discuss issues relating to the administration of the Anti-Money Laundering Act 2001.

Mac
March

- Bengkel Insurans dan Insurans Semula di Kalangan Negara Kumpulan Lapan (D-8) di Kaherah, Mesir.
  Bengkel yang telah dianjurkan adalah sebahagian daripada kerjasama yang dipersetujui oleh Negara-negara D-8 dalam bidang insurans dan insurans semula.
  Insurance and Reinsurance Workshop Among D-8 Countries in Cairo, Egypt.
  The workshops were organised as part of the agreed cooperation under the Developing Eight Grouping (D-8) in the areas of insurance and reinsurance.

- JPIT/6/2004/TO – Pekeliling mengenai Pelaksanaan Sistem Statistik Pengendali Takaful (TOSS) dikeluarkan. Pekeliling ini memaklumkan pengendali takaful mengenai pelaksanaan TOSS berkuat kuasa 9 Mac 2004. Pengendali takaful dikehendaki mengemukakan penyata bulanan dan penyata tahunan masing-masing dalam tempoh tiga minggu dan tiga bulan selepas tempoh berakhir melalui Sistem Penyerahan Data dalam talian.
  JPIT/6/2004/TO – Circular on Implementation of Takaful Operators Statistical System (TOSS) was issued. The circular informed takaful operators on the implementation of TOSS with effect from 9 March 2004. Takaful operators are required to submit monthly and annual returns via online Data Submission System within three weeks and three months respectively after the end of the periods.

Tahun 2004 Sepintas Lalu
Year 2004 at a Glance

- JPIT/15/2003/TO (Semakan) – Pekeliling mengenai Pelantikan Pegawai Utama/Pengarah oleh Pengendali Takaful dikeluarkan. Pekeliling ini memaklumkan pengendali takaful mengenai perubahan dalam prosedur carian kebankrapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pemegang Harta Malaysia dan memaklumkan pengendali takaful berkenaan penggunaan borang-borang baru iaitu borang K, L dan BNM/JPIT/SSTK.
  JPIT/15/2003/TO (Revised) – Circular on Appointment of Principal Officer/Director by Takaful Operators was issued. The circular informed takaful operators on changes of bankruptcy search procedures issued by Official Assignee Malaysia and informed the takaful operators of the use of the new forms K, L and BNM/JPIT/SSTK.

- JPIT/7/2004/TO – Pekeliling mengenai Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 dan Akta Takaful (Pindaan) 2003 dikeluarkan. Pekeliling ini memaklumkan pengendali takaful mengenai seksyen 16B Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 yang memberi kuasa kepada Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia untuk menentukan undang-undang Syariah mengenai perbankan Islam dan takaful dan pindaan seksyen 8(5)(b) Akta Takaful (Pindaan) 2003 bagi membolehkan pengendali takaful menubuhkan badan penasihat Syariah yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Takaful. Di samping itu, pengendali takaful juga dimaklumkan mengenai seksyen baru 53A Akta Takaful (Pindaan) 2003 yang membenarkan pengendali takaful merujuk kepada MPS berkenaan isu-isu Syariah bagi memperoleh nasihat mereka.
  JPIT/7/2004/TO – Circular on Central Bank of Malaysia (Amendment) Act 2003 and Takaful (Amendment) Act 2003 was issued. The circular informed takaful operators on section 16B of Central Bank of Malaysia (Amendment) Act 2003 that authorised the Shariah Advisory Council (SAC) of Bank Negara Malaysia to ascertain Islamic law for the purpose of Islamic banking and takaful and amendment of section 8(5)(b) of Takaful (Amendment) Act 2003 to allow takaful operators to set up Shariah advisory bodies as approved by the Director General of Takaful. In addition, takaful operators are informed on the introduction of new section 53A of Takaful (Amendment) Act 2003 which allows takaful operators to refer Shariah issues to the SAC for their advice.

April
April

- Laporan Tahunan Takaful 2003.
  Bank Negara Malaysia mengeluarkan Laporan Tahunan Takaful 2003 yang melaporkan tinjauan prestasi dan perkembangan industri takaful Malaysia dan pentadbiran Akta Takaful 1984.
  Takaful Annual Report 2003.
  Bank Negara Malaysia released the 2003 Takaful Annual Report which provides a review of the performance and developments of the Malaysian takaful industry and the administration of the Takaful Act 1984.

Mei
May

- JPIT/8/2004/TO – Pekeliling mengenai Penerimaan Jaminan Takaful sebagai Deposit untuk Permohonan Permit Kerja Pekerja Asing dikeluarkan. Pekeliling ini memaklumkan pengendali takaful mengenai persetujuan Kementerian Dalam Negeri Malaysia untuk membenarkan Jabatan Imigresen Malaysia menerima jaminan takaful sebagai deposit langsung untuk permit kerja bagi pekerja asing.
  JPIT/8/2004/TO – Circular on Acceptance of Takaful Guarantee as Deposit for Foreign Workers Work Permit Applications was issued. The circular informed takaful operators that the Ministry of Home Affairs Malaysia has agreed to allow the Immigration Department of Malaysia to accept takaful guarantee as direct deposit for foreign workers work permit.

Tahun 2004 Sepintas Lalu
Year 2004 at a Glance

Julai
July

- Mesyuarat Badan Pengawalan dan Penyeliaan Takaful dan Insurans Negara-negara D-8 di Kuala Lumpur.
  Mesyuarat sulung ini diadakan dengan objektif untuk memberi peluang kepada wakil daripada negara-negara D-8 untuk berkongsi dan berbincang mengenai pembangunan industri takaful dan insurans di negara masing-masing. Mesyuarat ini juga bertujuan untuk merangka mekanisme kerjasama pembangunan takaful di kalangan badan pengawalan dan penyeliaan negara-negara D-8.
  Meeting of Takaful and Insurance Regulatory and Supervisory Authorities of D-8 Countries in Kuala Lumpur.
  This inaugural meeting was held with the objectives of giving the delegates an opportunity to share and discuss the development of takaful and insurance industry in their respective countries as well as to establish a mechanism for cooperation in the development of takaful among the regulatory and supervisory authorities of D-8 countries.

- JPIT/GPT 6 – Garis Panduan mengenai Penyata Kewangan bagi Pengendali Takaful dikeluarkan. Garis Panduan ini menetapkan asas bagi pembentangan dan penzahiran laporan, serta penyata kewangan pengendali takaful. Pengendali takaful dikehendaki menggunakan amalan perakaunan akruan bagi pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan selaras dengan amalan perakaunan bank-bank Islam di Malaysia. Garis panduan ini berkuat kuasa bagi penyata kewangan bermula pada tahun 2004.
  JPIT/GPT 6 – Guidelines on Financial Statements for Takaful Operators were issued. The Guidelines were issued to provide the basis for presentation and disclosure of reports and financial statements of takaful operators. Takaful operators are required to use accrual accounting for the recognition of income and expenses in line with the current accounting practice by Islamic banks in Malaysia. The Guidelines are effective for financial statements beginning 2004.

Ogos
August

- Pameran Antarabangsa Barangan dan Perkhidmatan Halal Malaysia 2004.
  Pameran pertama bertaraf antarabangsa ini bertujuan memperkenalkan produk kewangan dan pelaburan, makanan, minuman, barangan farmaseutikal dan kosmetik yang disahkan halal. Acara tahunan ini bertujuan membawa pembeli, ejen dan peniaga daripada industri Halal di seluruh dunia bertemu di Malaysia dan bersama-sama mewujudkan wadah yang membolehkan isu halal yang diselesaikan secara global serta dapat dikongsi bersama dengan menggunakan rangkaian. Pelawat yang berada di pondok pameran Bank Negara Malaysia juga diberi taklimat ringkas mengenai InfoPerbankan, InfoInsurans dan inisiatif-inisiatif Bank Negara Malaysia yang lain yang merupakan sebahagian daripada Program Pendidikan Pengguna.
  Malaysia International Halal Showcase 2004.
  This is the first world class exhibition showcasing international halal certified financial and investment products, food, beverage, pharmaceutical, and cosmetics. It aims to bring together buyers, agents and traders from the Halal industry around the world annually to Malaysia and to participate in creating a window where global halal solutions can be shared by networking. Visitors to Bank Negara Malaysia's booth were also briefed on BankingInfo, InsuranceInfo and other relevant initiatives by Bank Negara Malaysia as part of the Bank's Consumer Education Programme.

- Seminar Bankasurans.
  Seminar ini diadakan bagi mempromosikan bankasurans sebagai salah satu saluran pemasaran di Malaysia.
  Bancassurance Seminar.
  The seminar was held to promote bancassurance as one of the marketing channels in Malaysia.

Tahun 2004 Sepintas Lalu
Year 2004 at a Glance

- JPIT/9/2004/TO – Pekeliling mengenai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 – Prosedur Pengesahan dikeluarkan. Pekeliling ini membantu pengendali takaful dan broker dalam mematuhi seksyen 16(2) Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram 2001 yang mengehendaki pengendali takaful mengesahkan melalui penggunaan dokumen, identiti, pekerjaan atau tujuan perniagaan seseorang menjalinkan hubungan perniagaan dengan pengendali takaful. Prosedur pengesahan dikenakan kepada pemohon individu, pemohon institusi dan pelan takaful yang mempunyai caruman melebihi RM50,000 dan RM100,000 setahun yang berkaitan dengan pelan individu dan berkumpulan.
  JPIT/9/2004/TO – Circular on Anti-Money Laundering Act 2001 – Verification Procedures was issued. The circular facilitates takaful operators and brokers in compliance with section 16(2) of the Anti-Money Laundering Act 2001, which requires takaful operator to verify through the use of documents, the identity, occupation or business purpose of any person who establishes or conducts business relation with the takaful operators. The verification procedures apply to individual applicant, institutional applicant and takaful plans with contribution exceeding RM50,000 and RM100,000 per annum in respect of individual and group plans.

- JPIT/10/2004/TO – Pekeliling mengenai Program Pendidikan Pengguna – Buku-buku Kecil InfoInsurans dikeluarkan. Pekeliling ini mengehendaki pengendali takaful memberikan sokongan dan komitmen penuh terhadap pengedaran buku-buku kecil InfoInsurans kepada orang ramai melalui pejabat cawangan masing-masing. Ini merupakan program jangka panjang yang diperkenalkan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pengguna dalam membuat keputusan yang tepat apabila menyertai pelan takaful dengan memahami hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.
  JPIT/10/2004/TO – Circular on Consumer Education Program – InsuranceInfo Booklets was issued. The circular requires takaful operators to give full support and commitment on the distribution of the InsuranceInfo booklets to public through their branches. This is a long term programme which was introduced to increase consumer awareness in making the right decision when participating in takaful plan by understanding their rights and responsibilities.

- JPIT/11/2004/TO – Pekeliling mengenai Sistem Profil Korporat Institusi Kewangan (FICPS) – Kajian Semula Keperluan Pengemukaan Salinan Cetak dan Pengukuhan Sistem dikeluarkan. Pekeliling ini memaklumkan pengendali takaful tentang pemansuhan keperluan mengemukakan salinan cetak penyata maklumat berkaitan struktur pemegang saham dan pekerja, pengemaskinian dan pemberitahuan maklumat dalam modul FICPS tetapi memperkenalkan keperluan bagi pengemaskinian secara dalam talian melalui sistem oleh pengendali takaful.
  JPIT/11/2004/TO – Circular on Financial Institutions Corporate Profile System (FICPS) – Review of Hard Copy Submission Requirement and System Enhancement was issued. The circular informed that takaful operators are no longer required to submit hard copy of the returns on shareholding structure and employee information, updates and notifications of information relating to the modules in the FICPS but introduced the requirement for online update by takaful operators through the system.

- JPIT/12/2004/TO – Pekeliling mengenai Pelaksanaan Sistem Elektronik Nota Lindungan Motor dikeluarkan. Pekeliling ini mengehendaki pengendali takaful mengadakan rangkaian elektronik dengan semua ejen masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Disember 2004 bagi memastikan pelaksanaan sistem nota lindungan secara elektronik berjalan lancar. Rangkaian ini membolehkan penghantaran maklumat mengenai nota lindungan yang tepat pada masanya daripada ejen kepada pengendali takaful dan seterusnya kepada Jabatan Pengangkutan Jalan.
  JPIT/12/2004/TO – Circular on Implementation of Electronic Motor Cover Notes System was issued. The circular requires takaful operators to establish electronic linkages with all their agents latest by 31 December 2004 to ensure the smooth implementation of the e-cover notes system. The linkage is to enable real-time transmission of cover note information from agents to takaful operators for onward transmission to Jabatan Pengangkutan Jalan.

September
September

- JPIT/13/2004/TO – Pekeliling mengenai Spesifikasi di bawah Peraturan-peraturan 3(b) dan (c) Peraturan-peraturan Takaful (Institusi Kewangan, Pinjaman dan Pelaburan yang Ditetapkan) 2003 dikeluarkan. Pekeliling ini merupakan semakan semula kepada spesifikasi aset Malaysia yang dibenarkan menurut Peraturan-peraturan 3(b) dan (c) Peraturan-peraturan Takaful (Institusi Kewangan, Pinjaman dan Pelaburan yang Ditetapkan) 2003 yang berkaitan dengan sekuriti hutang Cagamas.
  JPIT/13/2004/TO – Circular on Specification under Regulations 3(b) and (c) of the Takaful (Prescribed Financial Institution, Loan and Investment) Regulations 2003 was issued. The circular revised the specification on authorised Malaysian assets pursuant to Regulations 3(b) and (c) of the Takaful (Prescribed Financial Institution, Loan and Investment) Regulations 2003 in respect of the Cagamas debt securities.

- JPIT/14/2004/TO – Pekeliling mengenai Sistem Statistik Pengendali Takaful (TOSS) – Sistem Penyerahan Data (DSS) Versi 1.1 ("Siaran 1") dikeluarkan. Pekeliling ini memaklumkan pengendali takaful mengenai pindaan kepada TOSS – DSS. Pindaan ini dibuat ke atas modul pengemukaan, laporan dan akaun. Pengendali takaful juga dinasihatkan supaya mengemaskinikan program pemasangan luar talian TOSS dan manual pengguna berdasarkan versi terbaru yang terdapat dalam laman web TOSS.
  JPIT/14/2004/TO – Circular on Takaful Operators Statistical System (TOSS) – Data Submission System (DSS) Version 1.1 ("Release 1") was issued. The circular informed takaful operators on the amendments made on TOSS – DSS. The amendments made were on the submission, report and declaration modules. Takaful operators were also advised to update the TOSS offline installation program and the user manuals with the latest version as published in TOSS website.

- Mesyuarat antara Bank Negara Malaysia dengan Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Broker-broker Insurans Malaysia.
  Meeting between Bank Negara Malaysia and the Management Committee of Insurance Brokers Association of Malaysia.

- Mesyuarat antara Bank Negara Malaysia dengan Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Penyelaras Kerugian Malaysia.
  Meeting between Bank Negara Malaysia and the Management Committee of Association of Malaysian Loss Adjuster.

Tahun 2004 Sepintas Lalu
Year 2004 at a Glance

Oktober
October

- Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Kesebelas Pertubuhan Antarabangsa Penyelia Insurans (IAIS) di Jordan.
  Persidangan tahunan IAIS memberikan ruang kepada badan pengawalan dan penyeliaan, wakil industri dan golongan profesional untuk berbincang mengenai perkembangan dalam sektor insurans dan topik-topik yang relevan yang berkaitan pengawalseliaan insurans.
  Eleventh Annual Conference and General Meeting of the International Association of Insurance Supervisors (IAIS) in Jordan.
